



KENYATAAN AKHBAR

**Untuk Siaran Segera
20 April 2018**

PNB jenamakan semula unit amanah harga berubah ASNB

BATU PAHAT, JOHOR – Amanah Saham Nasional Berhad (ASNBS), syarikat unit amanah Permodalan Nasional Berhad (PNB) mengumumkan penjenamaan semula semua unit amanah harga berubah di bawah pengurusannya pada satu Majlis Pelancaran Penjenamaan Semula Tabung Unit Amanah ASNBS sempena penganjuran Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) 2018 yang kini berlangsung di Stadium Batu Pahat, Johor sehingga 25 April depan.

Pengerusi Kumpulan PNB, Tan Sri Abdul Wahid Omar berkata, “Penjenamaan semula Amanah Saham Nasional (ASN), Amanah Saham Nasional 2 (ASN2), Amanah Saham Nasional 3 Imbang (ASN3) dan Amanah Saham Gemilang (ASG) ini bertujuan memudahkan pelabur membuat keputusan pelaburan yang lebih sesuai dengan matlamat, usia dan toleransi risiko masing-masing bagi meraih pulangan maksimum.”

Tambah beliau lagi, “Penjenamaan semula unit amanah harga berubah ini meletakkan semua produk berkenaan dalam 3 kategori baharu iaitu Ekuiti, Aset Campuran Seimbang dan Aset Campuran Konservatif.”

Menurut beliau lagi, “Pembahagian kategori ini dibuat berdasarkan pendedahan risiko tabung berkenaan yang mana tabung kategori Ekuiti menumpu lebih kepada pasaran saham, tabung kategori Seimbang melabur dalam aset campuran seimbang manakala tabung kategori Konservatif membuat pelaburan dalam aset campuran konservatif.”

Sejajar penjenamaan semula ini, semua nama unit amanah harga berubah ASNBS ditukar dan kini membawa jenama ASN dalam nama tabung masing-masing. Pengekalan nama ASN ini bertujuan memudahkan pelabur, sekaligus mengukuhkan lagi jenama ASN yang kini telah mencapai usia 37 tahun.

Unit-unit amanah ASN, ASN2 dan ASG Kesihatan yang berada dalam kategori Ekuiti dinamakan semula sebagai ASN, ASN Ekuiti 2 dan ASN Ekuiti 3. Sementara itu, ASN 3 dan ASG Pendidikan yang berada dalam kategori Seimbang dinamakan semula sebagai ASN Imbang 1 dan ASN Imbang 2 manakala ASG Persaraan yang dimasukkan dalam kategori Konservatif dijenamakan semula sebagai ASN Sara 1.

Tan Sri Abdul Wahid dalam ucapannya turut menyarankan tabung dalam kategori Ekuiti seperti ASN, ASN Ekuiti 2 dan ASN Ekuiti 3 sesuai untuk golongan muda kerana ia merupakan tabung dengan tahap risiko tinggi yang menjanjikan peluang untuk meningkatkan modal secara maksimum. Manakala tabung dalam kategori Seimbang iaitu ASN Imbang 1 dan ASN Imbang 2 sesuai untuk mereka yang berada dalam usia pertengahan iaitu awal 40-an yang inginkan pertumbuhan sederhana dan berterusan dalam pelaburan.

Tabung kategori Konservatif iaitu ASN Sara 1 pula sesuai untuk mereka yang berada di awal persaraan dan mempunyai toleransi risiko yang rendah. Setiap tabung akan membangunkan strategi perumpukan aset yang menumpu kepada prestasi yang ditetapkan dan sejajar dengan itu, penanda aras baharu iaitu FBM100 dan deposit tetap 12-bulan akan digunakan.

Dari aspek prestasi, jika dibandingkan dengan simpanan tetap sebagai penanda aras, kesemua tabung jangka mampu memberi pulangan mapan dan lebih baik berbanding pesaing (market leading). Namun pada masa yang sama, ia tidak menjejaskan fokus dan keupayaan tabung memberi pulangan keseluruhan (total return) tahunan dan terkumpul untuk jangka masa sederhana dan panjang.

Penjenamaan semula semua tabung ini yang akan berkuat kuasa pada 1 Mei 2018, walau bagaimanapun ia tidak memberi kesan kepada ciri-ciri unik setiap tabung seperti kelayakan pelaburan dan modal pelaburan permulaan.

Pelabur boleh mengunjungi mana-mana Cawangan atau Ejen ASNB untuk melabur atau mendapatkan khidmat nasihat pelaburan. Pemegang unit sedia ada akan menerima notis pemberitahuan daripada ASNB mengenai perubahan dalam nama tabung pelaburan mereka.

Untuk sebarang pertanyaan, pelabur boleh menghubungi Jabatan Pengurusan Ejen dan Perhubungan Pelanggan, ASNB di talian 03-2057 3000 atau emel kepada asnbcare@pnb.com.my atau layari www.asnb.com.my.

-Tamat-

Mengenai PNB

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan asset di bawah pengurusan (AUM) kini mencapai lebih RM279 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan-pelaburan strategik di syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan swasta dan hartanah. Untuk maklumat lanjut, layari www.pnb.com.my.

Mengenai ASNB

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), adalah syarikat pengurusan unit amanah dan anak syarikat milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB). ASNB kini mempunyai sejumlah 12 Dana dengan Unit dalam Edaran berjumlah lebih 228 bilion serta 13.3 juta akaun. Untuk maklumat lanjut, layari www.asnb.com.my

Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad